

BAB

TUJUH

BAB TUJUH

PENUTUP

Andalus ialah sebuah wilayah yang terletak di Semenanjung Iberia atau di selatan benua Eropah. Sebelum kedatangan Islam, Andalus pernah diperintah oleh beberapa kuasa luar termasuklah orang Rom, Suevi, Vandal dan terakhir ialah orang-orang Kristian Visigoth. Pemerintahan yang sangat kejam dan tidak berperikemanusiaan serta perbalahan yang sering berlaku di kalangan pemerintah yang sentiasa berebut takhta menyebabkan masyarakat hidup menderita dan bangun memberontak menentang pemerintah. Tidak wujud sebarang pembangunan dan keadilan pada zaman tersebut sehingga alasan kedatangan Islam ke Andalus pada tahun 711 M.

Kedatangan Islam pada tahun 711 M memberi sinar baru kepada wilayah Andalus. Pemerintahan Islam selama lapan ratus tahun (711 -1492 M) telah membawa rahmat besar kepada seluruh masyarakat Islam dan bukan Islam di wilayah Andalus. Pemerintah Islam telah berjaya menjadikan Andalus sebagai satu-satunya pusat tamadun Islam yang paling gemilang di benua Eropah bermula dari abad ke 8 M sehingga abad ke 10 M. Kegemilangannya sebagai pusat kebudayaan dan intelektual sekaligus menjadikan Andalus sebagai tumpuan utama masyarakat dunia pada zaman tersebut.

Ketika tamadun Islam Andalus berada pada zaman kemuncak kegemilangannya inilah seluruh Eropah berada dalam zaman kegelapan dan kemunduran. Zaman gelap Eropah telah lama berlangsung bermula dari abad ke 4 M sehingga abad ke 12 M.

Gelap dalam erti kata sebenar bermaksud langsung tiada sebarang kegiatan keilmuan dan akliah yang dapat menerangi fikiran dan kehidupan masyarakat Eropah pada zaman tersebut. Masyarakat terus dibelenggu oleh adat tradisi serta kepercayaan lama yang dibawa oleh golongan eklesistik atau golongan gereja. Golongan ini berkuasa dalam segala hal termasuklah pemerintahan negara. Bukti ini jelas menunjukkan bahawa Eropah pada zaman tersebut begitu mundur dan menuju kehancuran.

Walau bagaimanapun, perubahan mula berlaku di Eropah pada kurun ke 11 M apabila masyarakat Eropah menyedari ketinggian ketamadunan yang dicapai oleh orang-orang Islam di Andalus. Para sarjana Eropah mula mencari dan mengkaji faktor-faktor yang telah membawa kepada kejayaan orang Islam. Pada masa yang sama, kemasyhuran para sarjana Islam dalam bidang sains tersebar luas dan menjadi daya tarikan utama orang Eropah berkunjung ke Andalus. Para sarjana Eropah mula membanjiri pusat-pusat pengajian tinggi di seluruh Andalus. Universiti Kordova muncul sebagai universiti yang paling terkenal di dunia pada zaman tersebut. Di sinilah bermulanya peranan Andalus sebagai pusat pengaliran ilmu daripada tamadun Islam ke Eropah.

Dasar pintu terbuka Andalus telah membolehkan kemasukan para sarjana Eropah ke Andalus. Toledo sebagai pusat aktiviti penterjemahan menjadi tumpuan para sarjana Kristian dari Eropah, Perancis, Jerman dan Itali. Kehadiran para sarjana Barat yang bertindak sebagai penterjemah seperti Michael Scot, Gerald of Cremona, menyemarakkan lagi suasana. Mereka mula mempelajari dan menguasai bahasa Arab semata-mata untuk menterjemah buku-buku bahasa Arab.

Di sinilah semua cabang ilmu sains dan falsafah telah diterjemah daripada bahasa Arab ke bahasa Latin. Aktiviti penterjemahan di Andalus dianggap sebagai jalan utama pengaliran ilmu kerana melalui aktiviti inilah segala ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan para sarjana Islam diteroka dan dikuasai oleh sarjana Barat. Kesempatan ketika berada di Andalus digunakan oleh para sarjana Eropah bukan sahaja untuk mendapatkan ilmu pengetahuan tetapi juga mempelajari pemodenan yang dicapai oleh orang Islam Andalus.

Kebetulan Andalus terletak di benua Eropah. Kedudukan ini membolehkan pengaliran ilmu dengan cepat berlaku dari tamadun Islam ke Eropah pada awal abad ke 10 M sehingga akhir abad ke 13 M apabila para sarjana Barat yang datang ke Andalus membawa balik segala hasil terjemahan mereka ke Eropah. Ilmu pengetahuan sains tulen dan falsafah yang dipelopori oleh sarjana Islam menjadi bidang ilmu yang paling diminati oleh para sarjana Barat. Oleh itu, kebanyakan karya sarjana Islam dalam bidang tersebut diterjemah oleh mereka. Antara bidang ilmu tersebut ialah ilmu astronomi, matematik, perubatan, fizik, kimia, zoologi dan botani serta ilmu falsafah itu sendiri. Bidang ilmu pengetahuan Islam terutamanya sains dan falsafah mula merebak ke Eropah melalui perantaraan bahasa Latin dan bahasa-bahasa Eropah yang lain seperti bahasa Inggeris, Perancis, Jerman, Sepanyol dan sebagainya.

Pengaliran ilmu pengetahuan dari tamadun Islam Andalus ini sebenarnya telah membawa perubahan yang sangat besar kepada seluruh masyarakat Eropah. Bermulalah lembaran baru bagi sejarah Eropah dengan terhapusnya zaman gelap yang menguasai benua itu sejak sekian lamanya. Maka terbinalah pusat-pusat pengajian tinggi yang terdiri daripada sekolah-sekolah, kolej dan universiti yang

berjaya menarik ribuan pelajar dari seluruh dunia. Pengaliran ilmu pengetahuan ini juga meninggalkan pengaruh yang begitu besar kepada pemikiran para sarjana Barat pada zaman tersebut.

Perubahan ini sekaligus membuka mata masyarakat Eropah terutamanya golongan cerdik pandainya yang mula menyedari akan kepentingan ilmu dan berusaha mendapatkannya. Bermulalah satu gerakan untuk mengembalikan semula ilmu zaman silam Greek-Yunani yang telah lama mereka tinggalkan. Gerakan ini telah membawa Eropah kepada satu fenomena yang dipanggil Renaissance. Gerakan ini bukan sahaja mengubah kehidupan masyarakat Eropah ke arah yang lebih baik malah membawa Eropah menuju ke Zaman Pencerahan pada abad seterusnya sehinggalah mencapai tahap sains dan teknologi yang tinggi pada hari ini.

Bukti-bukti di atas jelas menunjukkan bahawa sejarah interaksi antara tamadun Islam dengan Eropah telah lama berlaku sejak abad ke 10 M lagi. Andalus menjadi penghubung di antara tamadun Islam dan tamadun Eropah.

Demikianlah betapa tamadun Barat begitu terhutang budi kepada para sarjana Islam Andalus. Tanpa peranan mereka, tidak mungkin Eropah akan menikmati ilmu pengetahuan dan memiliki semula khazanah ilmu silam Greek-Yunani serta mencapai tahap kemajuan sains dan teknologi seperti hari ini. Amir Hasan Siddiqi dengan tegas menyatakan bahawa;

The contribution of the Spanish Muslim towards intellectual progress, scientific research and cultural refinement were rated not only invaluable by the Muslims of the East but also proved as a potent factor for the advancement of human civilization. There is no dispute among the historians that from the 8th to the 13th century, the Arabic-speaking peoples were the torch bearers of culture and civilization throughout the world and after they reached their zenith their culture was transmitted to Europe mainly through the channels of Spain and Sicily which cast deep influence on almost every aspect of European life and thought. As a medium of

this transmission Spain's role was also very significant (Amir Hasan Siddiqi 1967: 57)

Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa betapa pentingnya tamadun Islam Andalus kepada sejarah peradaban Islam dan Eropah itu sendiri. Peranannya sebagai pusat pengaliran ilmu daripada tamadun Islam ke Eropah pada abad ke 10 sehingga 13 M jelas membuktikan bahawa segala ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh sarjana Barat adalah hasil usaha gigih para sarjana Islam terdahulu. Memang tidak dinafikan bahawa ada sebahagian ilmu itu berasal daripada warisan tamadun Greek-Yunani, tetapi telah lama berkubur sehingga dikembangkan semula oleh para sarjana Islam di Timur pada abad ke 8 M. Kenyataan ini sekaligus menolak pendapat sesetengah sarjana Barat yang menyatakan bahawa ilmu itu berasal dari tamadun Barat. Hal ini kerana ketika tamadun Islam mencapai zaman kegemilangannya sebagai pusat kebudayaan dan intelektual yang terkenal, tamadun Barat sedang berada dalam Zaman Gelap atau *Dark Ages*.